



KEGILAAN TERHADAP FESYEN

PROFESOR Alan Hatley dari Universiti Victoria begitu terpesona dengan wanita Malaysia. Pernah sekali di sebuah universiti tempatan, dia tidak dapat menyembunyikan perasaannya apabila melihat sekumpulan pelajar perempuan yang lalu lajang. Bila ditanya apa maksud 'cantik' yang disebutnya itu, beliau secara spontan menjawab, "pakaian mereka." Insiden ini telah diceritakan oleh Prof. Fatimah Daud kepada wartawan MASSA baru-baru ini. Ia sekali gus menggambarkan betapa meriahnya wanita-wanita Malaysia berpakaian, tidak seperti wanita Barat yang lebih banyak berbaju T dan berseluar jean untuk ke mana-mana.

Fesyen adalah satu lagi perubahan ketara wanita hari ini. Ia lebih versatil dan seksi - salah satu ciri pakaian moden.

"Tetapi seksi yang tidak bertempat bukan caranya untuk tampil cantik. Wanita yang ingin kelihatan cantik dan seksi tidak semestinya perlu mendedahkan 'aksesori' tubuh mereka kepada umum tetapi hanya perlu bijak memilih fesyen pakaian," ujar Natrah Bujang, pemilik Butik Embun.

Memang tidak dinafikan sesetengah wanita gemar tampil dengan gaya seksi untuk kelihatan lebih menarik. Namun bagi Natrah untuk nampak cantik dan seksi tidak semestinya terpaksa memakai gaun singkat atau baju yang mendedahkan lurah dada. Bagi pereka fesyen ini, mereka yang selalu ingin kelihatan seksi tidak perlu mendedahkan tubuh tetapi memadai memakai pakaian yang ada sentuhan 'seksi'.

Inilah juga pesanan yang sering dibeberitahu oleh ibu muda kepada anak yang berusia 15 tahun ini. Natrah percaya, di kala usia sedang membesar, kalau pakai-

an terlalu menonjolkan tubuh itu bukan lagi kelihatan seksi tetapi menampakkan kemurahan diri kita sendiri. "Saya katakan pada anak saya, jangan ingat kalau kita berpakaian seksi, skirt pendek, kita akan jadi tarikan di kalangan budak lelaki sebaliknya kita akan dilihat dari sudut wanita murahan," ujarnya.

Kata Natrah, wanita sekarang yang moden serta berkerjaya perlu lebih bijak memilih fesyen pakaian yang dapat mencerminkan imej mereka. Mereka tidak perlu berlebihan dalam berfesyen ataupun terlalu memandang remeh soal pakaian mereka. Kalau dulu, kebanyakan wanita menjadi suri rumah dan tidak banyak aktiviti luar jadi fesyen mereka juga lebih terhad. Tetapi hari ini, ramai wanita sudah bekerja dan tiap-tiap hari mereka perlu memikirkan soal pakaian. Keadaan ini juga telah merancakkan bidang rekaan fesyen di negara ini terutamanya di bandar-bandar besar.

Di luar sana, bermacam-macam cara wanita berfesyen. Ada di antara mereka yang sanggup berbelanja besar untuk memiliki koleksi terbaru di pasaran setiap bulan tanpa mengambil kira kesesuaiannya. Sikap ekstrem ini kadangkala menyebabkan ramai wanita lebih banyak membazir dalam soal membeli pakaian. "Buat apa kita beli baju yang hanya boleh dipakai sekali saja ataupun tidak sesuai dipakai ke pejabat ataupun majlis-majlis kasual. Sebaliknya, fesyen yang perlu dipilih mestilah mempunyai ciri-ciri selesa dipakai, sesuai untuk ke pejabat dan yang paling penting tampak kemas."

Di Butik Embun, Natrah menekankan rekaan yang mempunyai ciri-ciri tersebut. "Kalau dulu, ramai di kalangan wanita muda yang tidak berminat dengan

baju kurung ataupun kebaya. Mereka menganggap pakaian sebegini tidak sesuai untuk ke pejabat, merimaskan dan menyukarkan pergerakan. Tapi hari ini, sekurang-kurangnya saya telah membuktikan fesyen berbaju kurung juga menjadi trend yang digemari wanita-wanita moden sekarang. Baju kurung ataupun kebaya juga sesuai dipakai di pejabat dan juga boleh dibawa ke sebarang majlis," katanya.

Setiap wanita mempunyai naluri untuk cantik dan seksi tetapi tidak ramai yang pandai. Dahulu wanita Malaysia cukup terkenal dengan fesyen-fesyen yang ekstrem dari luar. Namun sekarang wanita Malaysia lebih matang dan mempunyai minda yang terbuka dalam menampilkan diri mereka dengan fesyen yang lebih beridentitikan Malaysia.

"Saya cukup senang dengan sambutan anak-anak muda sekarang terhadap fesyen baju kurung tradisional dan juga kebaya lama."

Sesuai dengan cita rasa wanita moden, rekaan Natrah cuba menghasilkan sentuhan baru terhadap baju-baju kurung dan kebaya. Contohnya, beliau menggunakan fabrik nipis dan menggunakan *camisole* di dalamnya supaya pemakainya akan kelihatan sedikit mengoda.

Begitu juga dengan pemakaian kain ataupun pareo yang perlu diikat. Ia mungkin nampak rumit tetapi pemakainya akan terasa keanggunannya. Potongannya pula tidak terikat dengan stail lama tetapi membawa ilham baru dengan potongan yang lebih menarik dan moden. Mereka kelihatan cukup cantik dan manis dengan identiti orang Asia menerusi pakaian mereka.

"Kita sebenarnya tidak perlu terlalu dipengaruhi oleh trend pakaian ataupun fesyen dari luar. Kita ada wajah kita sendiri. Saya percaya pakaian tradisi sekiranya diberi nafas baru akan menambat hati wanita moden di negara ini. Fesyen dari luar kebiasaannya tidak kekal lama, ia akan hilang ditelan zaman. Lihat saja fesyen seluar kaki kembang, fesyen pop yeh yeh ataupun hipi, ia hilang begitu sahaja. Kalau ada orang yang pakai macam itu pasti akan jadi bahan ketawa. Tetapi baju tradisional seperti kebaya dan baju kurung tetap sesuai sepanjang masa."

Pada Natrah, dalam bab berfesyen setiap wanita perlu lebih terdidik. Tidak salah sekiranya mereka mendapat nasihat ataupun bertukar pendapat dengan pereka fesyen untuk mendapat hasil yang lebih baik. Bagaimanapun beliau mengakui wanita sekarang lebih bijak memilih fesyen berbanding orang dulu yang lebih terikut-ikut dengan fesyen dari luar. □